

D672

U B226 DEB
MAHATHIR - PEKERJA R R R

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SETIAP PIHAK TERPAKSA MENGENEPI DAN MEMBELAKANGKAN SEDIKIT KEPENTINGAN DIRI DEMI KEPENTINGAN UMUM DALAM USAHA MEMBANGUNKAN LAGI NEGARA INI.

DI SAMPING ITU, TUGAS MEMBANGUNKAN NEGARA MEMERLUKAN BANYAK PENGORBANAN, KATA PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSANNYA KEPADA CUEPACS SEPENA SAMBUTAN HARI PEKERJA ESOK.

+NEGARA YANG MAJU, MAKMUR, KUAT DAN TEGUH ADALAH NEGARA YANG MEMPUNYAI RAKYAT YANG BERSEMANGAT, RAJIN BEKERJA, BERDISIPLIN DAN MENCINTAI NEGARA MEREKA SENDIRI,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN, SEMUA PIHAK DI NEGARA INI PERLU TERUS MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA SESAMA SENDIRI DAN BERSATU-PADU SUPAYA MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DAPAT DIATASI DENGAN BERKESAN.

+SAYA PERCAYA PARA PEKERJA DI NEGARA INI TIDAK AKAN MELUPAKAN BAHAWA HANYA MASYARAKAT DAN NEGARA YANG MAJU SAHAJA YANG BOLEH MEMBAWA KEBAHAGIAAN KEPADA RAKYAT TERMASUK PARA PEKERJA SENDIRI,+ KATANYA. -- LAGI.
1452MST 30 04 86

D673

U B227 DEB
MAHATHIR - PEKERJA 2 KUALA LUMPUR R R R

MENURUTNYA, PARA PEKERJA DI NEGARA INI TELAH MEMBERI PELBAGAI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA. KERAJAAN DAN NEGARA MENGHARGAI SUMBANGAN MEREKA PADA SETIAP BIDANG.

SEPENA HARI PEKERJA ITU, BELIAU MENGAJAK PARA PEKERJA SUPAYA BERSAMA-SAMA KERAJAAN MERENUNG AKAN PERANAN MASING-MASING DALAM PEMBINAAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

+UNTUK MENJADI LEBIH BERKESAN, KITA MESTILAH BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN,+ KATANYA.

SEMENTARA ITU MENTERI BURUH, DATUK LEE KIM SAI DALAM PERUTUSANNYA KEPADA CUEPACS BERKATA PERTIKAIAN PERUSAHAAN YANG SEDANG WUJUD ANTARA CUEPACS DENGAN KERAJAAN ADALAH TIDAK SIHAT DAN MERUGIKAN NEGARA.

BELIAU MERAYU KEPADA SEMUA ANGGOTA GABUNGAN CUEPACS SUPAYA MENGAMBIL KIRA TENTANG IMPLIKASI KE ATAS EKONOMI NEGARA DALAM USAHA-USAHA UNTUK MENGATASI PERTIKAIAN PERUSAHAAN DENGAN KERAJAAN BERHUBUNG TUNTUTAN PELARASAN GAJI. -- LAGI.
1455MST 30 04 86

D675

U B228 DEB
MAHATHIR - PEKERJA 3 KUALA LUMPUR R R R

+PERTIKAIAN PERUSAHAAN ANTARA CUEPACS DAN KERAJAAN MESTI DIHENTIKAN SECARA YANG MEMUASKAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA WALAUPUN TUNTUTAN-TUNTUTAN CUEPACS TIDAK AKAN DAPAT DIPERSETUJUI OLEH KERAJAAN,+ KATANYA.

+INI KERANA SUASANA YANG WUJUD SEKARANG TIDAK AKAN DAPAT MEMBANTU KERAJAAN UNTUK MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA, MALAHAN IA AKAN TERUS MEMBURUKKAN KEADAAN,+ KATANYA.

DATUK LEE BERKATA CUEPACS MESTI MENGHADIRI MAJLIS PERBINCANGAN DAN PERUNDINGAN DENGAN WAKIL-WAKIL JABATAN PERKHIDMATAN AWAM PADA 15 MEI INI DAN SETERUSNYA MENGHENTIKAN SEMUA TINDAKAN PERUSAHAAN SEBAGAI SATU TANDA SEMANGAT CINTAKAN NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN MENGIKTIRAF HAK KAUM PEKERJA TERMASUK KAKITANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM SERTA BERSIMPATI DENGAN MEREKA TETAPI KERAJAAN JUGA BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN SUPAYA SEGALA USAHA UNTUK MEMULIHKAN EKONOMI AKAN TERCAPAI. -- BERNAMA.
1500MST 30 04 86